

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

21. Peruntukan Kepada ADUN Kawasan:

- (a) Berapakah peruntukan yang diberi kepada ADUN Kerajaan dan ADUN Pembangkang untuk perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan dana kepada ADUN-ADUN demi membantu rakyat terutama ketika negara sedang dilanda bencana dan rakyat tidak mampu keluar bekerja mencari rezeki? Sila huraikan.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

21. (a) Secara amnya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan bagi semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) tanpa mengira Pakatan Harapan ataupun pembangkang.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM300,000.00 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat dan projek-projek khas/latihan khas/bekalan bagi setiap ADUN Pakatan Harapan di bawah Vot P16 dan bagi ADUN pembangkang pula, peruntukan yang disediakan di bawah Maksud Pembangunan P16 adalah sebanyak RM60,000.00, manakala peruntukan bagi Penyelaras KADUN Pembangkang adalah sebanyak RM100,000.00. Oleh itu, peruntukan pembangunan keseluruhan di bawah P16 bagi ADUN pembangkang adalah berjumlah RM160,000.00.

Selain itu, peruntukan pembangunan juga diagihkan melalui sembilan (9) Vot Pembangunan bagi tujuan pembangunan di semua KADUN, iaitu melalui Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Taman Botani, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, dan Jabatan Pertanian Negeri.

Bagi peruntukan mengurus pula, YB ADUN Pakatan Harapan diperuntukkan RM6,000.00 sebulan bagi perbelanjaan mengurus pejabat dan RM15,000.00 sebulan bagi bayaran gaji Pegawai Seranta, manakala YB ADUN pembangkang pula diperuntukkan RM6,000.00 sebulan bagi perbelanjaan mengurus pejabat dan bayaran gaji Pegawai Seranta.

- (b) Kerajaan Negeri telah menyediakan Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan implikasi kewangan sebanyak RM75 juta bagi membantu rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.

Di bawah pakej bantuan tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM30,000.00 untuk setiap ADUN termasuk ADUN pembangkang bagi tujuan menyediakan bantuan segera dan kecemasan kepada rakyat yang terkesan dalam tempoh wabak ini.

Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani wabak COVID-19 dan dalam mengurangkan beban rakyat adalah seperti di **Lampiran 1**.

INSENTIF DAN BANTUAN BAGI PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19)

BIL.	TAJUK INSENTIF/BANTUAN	KETERANGAN PELAKSANAAN	ANGGARAN IMPLIKASI KEWANGAN (RM)																								
1.	Bayaran Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada kakitangan barisan hadapan daripada pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19.	<p>Kakitangan jabatan-jabatan kerajaan persekutuan dan negeri yang bertugas di barisan hadapan semasa wabak COVID-19.</p> <p>Anggaran penerima manfaat : 10,511 kakitangan barisan hadapan jabatan persekutuan Negeri Pulau Pinang</p> <table border="1" data-bbox="734 746 1720 1091"> <thead> <tr> <th data-bbox="734 746 810 820">Bil.</th> <th data-bbox="810 746 1256 820">Jabatan</th> <th data-bbox="1256 746 1720 820">Bilangan Kakitangan Barisan Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="734 820 810 858">1.</td> <td data-bbox="810 820 1256 858">Jabatan Kesihatan Negeri PP</td> <td data-bbox="1256 820 1720 858">7,570</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 858 810 896">2.</td> <td data-bbox="810 858 1256 896">Jabatan Imigresen</td> <td data-bbox="1256 858 1720 896">450</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 896 810 935">3.</td> <td data-bbox="810 896 1256 935">PDRM</td> <td data-bbox="1256 896 1720 935">1,787</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 935 810 973">4.</td> <td data-bbox="810 935 1256 973">Angkatan Tentera Malaysia</td> <td data-bbox="1256 935 1720 973">240</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 973 810 1011">5.</td> <td data-bbox="810 973 1256 1011">Angkatan Pertahanan Awam</td> <td data-bbox="1256 973 1720 1011">300</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 1011 810 1050">6.</td> <td data-bbox="810 1011 1256 1050">RELA</td> <td data-bbox="1256 1011 1720 1050">164</td> </tr> <tr> <td data-bbox="734 1050 810 1091"></td> <td data-bbox="810 1050 1256 1091">JUMLAH</td> <td data-bbox="1256 1050 1720 1091">10,511</td> </tr> </tbody> </table> <p>Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM300 kepada 4,791 kakitangan barisan hadapan kedua-dua PBT (MBPP dan MBSP)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Anggaran 1,700 kakitangan MBPP - Anggaran 3,091 kakitangan MBSP 	Bil.	Jabatan	Bilangan Kakitangan Barisan Hadapan	1.	Jabatan Kesihatan Negeri PP	7,570	2.	Jabatan Imigresen	450	3.	PDRM	1,787	4.	Angkatan Tentera Malaysia	240	5.	Angkatan Pertahanan Awam	300	6.	RELA	164		JUMLAH	10,511	<p>3,300,000.00</p> <p>1,437,300.00</p>
Bil.	Jabatan	Bilangan Kakitangan Barisan Hadapan																									
1.	Jabatan Kesihatan Negeri PP	7,570																									
2.	Jabatan Imigresen	450																									
3.	PDRM	1,787																									
4.	Angkatan Tentera Malaysia	240																									
5.	Angkatan Pertahanan Awam	300																									
6.	RELA	164																									
	JUMLAH	10,511																									

2.	Bekalan seperti <i>face mask</i> , <i>hand sanitizer</i> dan sebagainya untuk menangani wabak COVID-19.	Bekalan <i>face mask</i> , <i>hand sanitizer</i> dan sebagainya bagi memenuhi keperluan semasa dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.	10,000,000.00
3.	Bantuan <i>one-off</i> RM500 kepada pesakit yang disahkan COVID-19 dan bantuan <i>one-off</i> RM1,000 kepada waris pesakit COVID-19 yang meninggal dunia di Negeri Pulau Pinang.	Bantuan diberikan kepada pesakit warganegara Malaysia yang disahkan positif COVID-19 di Negeri Pulau Pinang. (Terhad kepada RM500.00 satu keluarga bagi pesakit yang disahkan positif COVID-19) Bantuan diberikan kepada waris pesakit yang disahkan positif COVID-19 di Negeri Pulau Pinang dan meninggal dunia.	300,000.00
4.	Pemberian bantuan khas <i>one-off</i> sejumlah RM500.00 kepada peniaga kecil/penjaja berlesen (termasuk peniaga pasar malam/ <i>food truck</i> / pasar tani)	Anggaran penerima manfaat : 14,012 orang Pecahan seperti berikut: MBPP- 6957 MBSP- 6324 FAMA – 731 (Pasar tani)	7,006,000.00
5.	Pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000.00 kepada Masjid dan RM500.00 kepada Surau Berdaftar.	Anggaran penerima manfaat : 226 buah masjid dan 538 surau Bayaran secara <i>one-off</i> kepada semua masjid dan surau berdaftar di Pulau Pinang sebanyak RM1000.00 bagi masjid dan RM500.00 bagi surau untuk membiayai kos penyelenggaraan/ utiliti masjid/surau dan penyediaan bahan pembersihan seperti <i>sanitizer</i> dan seumpamanya kepada jemaah.	495,000.00

6.	Pemberian RM3.0 juta kepada golongan asnaf (zakat)	Diuruskan oleh Pusat Zakat Negeri Pulau Pinang.	3,000,000.00
7.	Bantuan <i>one-off</i> sebanyak RM500.00 kepada pemandu pelancong berdaftar	Anggaran penerima manfaat : 1,367 orang (Penerima manfaat adalah pemandu pelancong yang berdaftar dengan MOTAC.)	685,000.00
8.	Membuat bayaran awal insentif RM300.00 kepada pemandu teksi dan tambahan sebanyak RM200.00 secara <i>one-off</i> .	Anggaran penerima manfaat : 2,248 pemandu teksi (Peruntukan tambahan bagi tujuan ini RM449,600.00.)	1,124,000.00
9.	Bayaran insentif sebanyak RM300.00 secara <i>one-off</i> kepada pemandu <i>e-hailing</i> di Pulau Pinang.	Anggaran penerima manfaat : 10,000 pemandu e-hailing di Pulau Pinang	3,000,000.00
10.	Membuat bayaran awal elaun penarik beca sebanyak RM300.00 dan tambahan sebanyak RM200.00 secara <i>one-off</i> .	Anggaran penerima manfaat : 318 penarik beca Bayaran elaun penarik beca bagi bulan April hingga Jun 2020 diawalkan bayaran pada bulan April 2020 dan dibayar bersekali dengan tambahan RM200 secara <i>one-off</i> .	159,000.00

11.	Bantuan <i>one-off</i> RM500.00 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agenda Ekonomi Saksama (AES)	Anggaran penerima manfaat : 18,657 penerima Pecahan: JKM – 18,007 orang AES – 650 orang	9,328,500.00																														
12.	Peruntukan khas sebanyak RM30,000.00 untuk setiap ADUN bagi bantuan segera dan kecemasan	40 ADUN	1,200,000.00																														
13.	Penang Business Continuity Loan	Penerima manfaat: SME dan Mikro di Negeri Pulau Pinang Pinjaman untuk SME – RM10,000.00 maksimum Pinjaman untuk Mikro – RM5,000.00 maksimum	30,000,000.00																														
14..	Pengecualian sewaan premis peniaga kecil/ gerai/ tapak penjaja berlesen dibawah PBT, Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Perumahan, Jabatan Perhutanan, dan Penang Digital Library.	Anggaran penerima manfaat: 10,999 peniaga Pengecualian bayaran sewa bagi bulan April 2020.	1,610,064.42																														
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>AGENSI</th> <th>BIL. PREMIS</th> <th>SEWA BULANAN (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>MBPP</td> <td>5,963</td> <td>610,970.00</td> </tr> <tr> <td>MBSP</td> <td>4,589</td> <td>789,674.02</td> </tr> <tr> <td>PDT</td> <td>261</td> <td>46,645.00</td> </tr> <tr> <td>Jbtn. Hutan</td> <td>12</td> <td>6,270.00</td> </tr> <tr> <td>Bhg. Perumahan</td> <td>122</td> <td>25,580.40</td> </tr> <tr> <td>PDL (CMI)</td> <td>3</td> <td>7,884.00</td> </tr> <tr> <td>Jbtn. Trmn Botani</td> <td>26</td> <td>23,041.00</td> </tr> <tr> <td>Bukit Bendera</td> <td>23</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>10,999</td> <td>1,610,064.42</td> </tr> </tbody> </table>	AGENSI	BIL. PREMIS	SEWA BULANAN (RM)	MBPP	5,963	610,970.00	MBSP	4,589	789,674.02	PDT	261	46,645.00	Jbtn. Hutan	12	6,270.00	Bhg. Perumahan	122	25,580.40	PDL (CMI)	3	7,884.00	Jbtn. Trmn Botani	26	23,041.00	Bukit Bendera	23	100,000.00	Jumlah	10,999	1,610,064.42	
AGENSI	BIL. PREMIS	SEWA BULANAN (RM)																															
MBPP	5,963	610,970.00																															
MBSP	4,589	789,674.02																															
PDT	261	46,645.00																															
Jbtn. Hutan	12	6,270.00																															
Bhg. Perumahan	122	25,580.40																															
PDL (CMI)	3	7,884.00																															
Jbtn. Trmn Botani	26	23,041.00																															
Bukit Bendera	23	100,000.00																															
Jumlah	10,999	1,610,064.42																															

15.	Pengecualian bayaran sewa bagi bulan April dan Mei melibatkan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah pengurusan Kerajaan Negeri.	Pengecualian Bayaran Sewa RSKN dan PPR bagi 2 bulan iaitu April dan Mei 2020. Anggaran penerima manfaat: 4,860 orang	932,844.00
16.	Pelanjutan tempoh bayaran cukai petak/ cukai tanah sehingga 30 Ogos 2020	Melanjutkan tempoh akhir bayaran cukai petak/tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020. Anggaran penerima manfaat : 326,610 orang	
17.	Penangguhan tempoh bayaran ansuran sewa beli bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 melibatkan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) di bawah pengurusan Kerajaan Negeri selama 3 bulan.	Melanjutkan tempoh akhir bayaran ansuran sewa beli bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 selama 3 bulan. Anggaran penerima manfaat : 541 orang Implikasi kewangan yang terlibat: RM48,851.80 sebulan	
18.	Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH), Tabung Usahawan Tani (TUT) dan Pinjaman Penuntut selama 3 bulan.	Penangguhan pembayaran balik pinjaman selama 3 bulan. Bilangan penerima manfaat : 1,581 peminjam	
JUMLAH			73,577,708.42

Anggaran peruntukan Kerajaan Negeri : RM75.0 juta